UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Buletin IQRA'

2026

Bil. 1/2026 - Januari • eISSN: 2735-1920

PTAR Terima Sumbangan Dua Naskhah Buku Warisan Kebudayaan oleh IBSD UiTM

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam terus memperkukuh peranannya sebagai pusat rujukan ilmu dan pemeliharaan khazanah budaya apabila menerima sumbangan dua (2) naskhah buku berprestij daripada Institute for Biodiversity and Sustainable Development (IBSD) UiTM.

Sumbangan tersebut merangkumi penerbitan penting berkaitan Warisan Kebudayaan Tidak Ketara Malaysia yang menghimpunkan dokumentasi, dasar serta pelan perlindungan warisan budaya negara bagi tempoh 2026–2030. Penyerahan buku telah disampaikan kepada Puan Aznur Umiza Abu Kassim, Pengarah Bahagian Pengurusan Perpustakaan, yang mewakili Ketua Pustakawan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam.

Menurut PTAR, sumbangan ini amat bernilai dalam menyokong pembangunan koleksi rujukan strategik, khususnya dalam bidang kebudayaan, warisan tidak ketara dan kelestarian ilmu. Koleksi tersebut bukan sahaja memperkaya sumber akademik, malah menjadi bahan rujukan penting untuk penyelidikan, pengajaran serta pemeliharaan memori intelektual negara.

Seiring dengan aspirasi pendigitalan dan keterbukaan akses maklumat, PTAR akan memastikan bahan ini diurus secara profesional agar dapat dimanfaatkan secara optimum oleh warga UiTM dan masyarakat umum. Perpustakaan juga komited untuk memelihara, mempromosi dan memperluas akses kepada koleksi bernilai tinggi sebagai sebahagian daripada peranannya sebagai Vibrant Centre of Learning.

PTAR merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada IBSD UiTM atas sumbangan berimpak ini dan pada masa yang sama mengalu-alukan sumbangan buku, bahan ilmiah serta koleksi khas daripada warga universiti, alumni dan komuniti. Kerjasama strategik sebegini diyakini mampu menyemarakkan budaya ilmu, memperkasa ekosistem pengetahuan dan memastikan khazanah intelektual terus lestari untuk generasi akan datang.

Sesi Libat Urus Bersama Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Universiti Teknologi MARA telah menganjurkan Sesi Libat Urus bersama Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, YBrs. Prof. Dr. Yamin Yasin, sebagai platform strategik memperkukuh hala tuju akademik dan peranan perpustakaan dalam ekosistem pembelajaran universiti.

Sesi yang berlangsung dalam suasana profesional dan konstruktif ini diketuai oleh Ketua Pustakawan UiTM, YBrs. Ts Haji Azizi bin Haji Jantan, dengan fokus kepada perkongsian pandangan, penyelarasan inisiatif akademik serta pengukuhan sokongan perpustakaan terhadap agenda kecemerlangan pengajaran, pembelajaran dan antarabangsa UiTM.

Melalui sesi libat urus ini, pelbagai input bernilai telah dibincangkan merangkumi peranan strategik perpustakaan sebagai pusat ilmu dinamik, pemudah cara pembelajaran digital serta rakan kolaborasi akademik yang relevan dan mampan. Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan PTAR dalam mendukung aspirasi universiti ke arah kecemerlangan global dan transformasi pendidikan tinggi.

@libraryuitm

@libraryuitm

@perpustakaanuitm

@uitmlibrary

@perpustakaanuitm

Hubungi kami:

03 5521 1704

korporatptar@uitm.edu.my

Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak,
Univesiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam